



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 10 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	30 Taska Di Pahang Dihentikan Operasi https://www.sinarharian.com.my/article/684634/berita/nasional/30-taska-di-pahang-dihentikan-operasi https://www.sinardaily.my/article/221217/focus/national/only-114-childcare-centres-in-pahang-officially-registered-with-jkm---exco https://malaysiagazette.com/2024/09/09/71-taska-tidak-berdaftar-30-diberhentikan-operasi-di-pahang/	Sinar Harian Sinar Daily Malaysia Gazette	Neutral
2.	JKM Selangor Giat Anjur Progam Galak Pengusaha Daftar Taska https://selangorkini.my/2024/09/jkm-selangor-giat-anjur-progam-galak-pengusaha-daftar-taska/	Selangor Kini	Neutral
3.	Jangan Normalisasikan Pengantunan Seksual https://www.sinarharian.com.my/article/684803/suara-sinar/lidah-pengarang/jangan-normalisasikan-pengantunan-seksual	Sinar Harian	Neutral
4.	Ibu Dan Anak Antara 3 Maut Kemalangan Dalam Perjalanan Ke Sekolah		Neutral

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132108/ibu-dan-anak-antara-3-maut-kemalangan-dalam-perjalanan-ke-sekolah https://www.buletintv3.my/nasional/2-maut-nahas-3-kenderaan/#google_vignette https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2338517 https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1103571/mother-and-daughter-among-three-killed-three-vehicle-collision https://www.kosmo.com.my/2024/09/09/tiga-termasuk-ibu-anak-maut-kereta-bertembung/#google_vignette	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Bernama</p> <p>NST</p> <p>Kosmo</p>	
5.	<p>'Ada Kepincangan Pengasuh Taska Di Melaka' – Exco</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/09/09/ada-kepincangan-pengasuh-taska-di-melaka-exco/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
6.	<p>Wanita Didenda RM700, Benarkan Anak 10 Tahun Pandu Kereta</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132011/wanita-didenda-rm700-benarkan-anak-10-tahun-pandu-kereta https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2338444 https://www.bernama.com/en/news.php?id=2338471 https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/wanita-benar-anak-bawah-umur-pandu-kereta-didenda-rm700/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Bernama</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p>	Neutral
7.	<p>Polis Siasat Kes Kanak-Kanak Tidur Di Kaki Lima</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-kes-kanak-kanak-tidur-di-kaki-lima/ https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/polis-siasat-kanak-kanak-tidur-di-kaki-lima/#google_vignette</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p>	Neutral

8.	Isteri Hidap Dementia Tak Sedar Suami Rentung Di Halaman Rumah https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1132060/isteri-hidap-dementia-tak-sedar-suami-rentung-di-halaman-rumah	Malaysia Kini	Neutral
8.	Kanak-Kanak 14 Tahun Hidap Asma Maut Ketika Perlawanan Bola Sepak https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/kanak-kanak-14-tahun-hidap-asma-maut-ketika-perlawanan-bola-sepak/	Berita RTM	Neutral
9	Wajah 'Orang Baik' Juga Mungkin Pemangsa Kanak-Kanak - Pengasas Buku Jalan Chow Kit https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wajah-orang-baik-juga-mungkin-pemangsa-kanakkanak-pengasas-buku-jalanan-chow-kit-487132	Astro Awani	Neutral
10.	Sebelum Al Fateh, Bayi Enam Bulan Haura Maut Dibedung 6 Jam https://www.kosmo.com.my/2024/09/09/sebelum-al-fateh-bayi-enam-bulan-haura-maut-dibedung-6-jam/ https://www.sinarharian.com.my/article/684753/video/tiktok/bayi-comel-haura-najia-maut-dibedung-selama-enam-jam	Kosmo Sinar Harian	Neutral
11.	Taska Bayi Mati Ditutup 21 Hari https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/taska-bayi-mati-ditutup-21-hari/	Utusan	Neutral
12.	Tiada Rekod Pengasuh Disyaki Bunuh Bayi Pernah Dera Anak Sendiri https://malaysiagazette.com/2024/09/09/tiada-rekod-pengasuh-disyaki-bunuh-bayi-pernah-dera-anak-sendiri/ https://www.sinarharian.com.my/article/684718/berita/semas-a/bayi-maut-di-taska-tiada-laporan-suspek-dera-anak	Malaysia Gazette Sinar Harian	Neutral

13.	Selepas Suami, Isteri Pula Hidap Kanser https://www.kosmo.com.my/2024/09/10/selepas-suami-isteri-pula-hidap-kanser/	Kosmo	Neutral
14.	Pulau Pinang Negeri Mesra Warga Emas Menjelang 2028 https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/pulau-pinang-negeri-mesra-warga-emas-menjelang-2028/	Utusan	Neutral
15.	Lelaki Rentung Akibat Mesin Rumput Terbakar Disahkan Warga Emas 75 Tahun https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1295961/lelaki-rentung-akibat-mesin-rumput-terbakar-disahkan-warga-emas-75-tahun https://malaysiagazette.com/2024/09/09/warga-emas-ditemukan-rentung-mgflash/ https://www.kosmo.com.my/2024/09/09/isteri-nampak-asap-tidak-sangka-suami-disambar-api-mesin-rumput/	Berita Harian Malaysia Gazette Kosmo	Neutral
16	Keluarga Tawar RM1,000 Bantu Cari Lelaki OKU Mental https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1132040/keluarga-tawar-rm1000-bantu-cari-lelaki-oku-mental https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/09/1296110/ganjaran-rm1000-untuk-maklumat-sehingga-azman-dijumpai-semula	Harian Metro Berita Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

30 TASKA DI PAHANG DIHENTIKAN OPERASI



Laporan muka depan Sinar Ahad. (Gambar kecil: Sabariah)

KUANTAN - Kerajaan Pahang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menubuhkan satu Pasukan Petugas Pemantauan dan Pemutihan Taska untuk mengelak berlakunya penderaan dan pengabaian di semua taman asuhan kanak-kanak (taska) di negeri ini.

Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Sabariah Saidan berkata, pasukan petugas terbabit sudah mula digerakkan sejak 1 September tahun lalu bagi tujuan berkenaan.

“Kita sangat prihatin dan peka terhadap isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak di taska.

“Jadi, kita sudah mengambil tindakan awal dengan membentuk satu pasukan petugas khas yang terdiri daripada pelbagai agensi seperti JKM, pihak berkuasa tempatan, pejabat kesihatan daerah, jabatan bomba dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memastikan tiada insiden menyayat hati berlaku di negeri ini,” katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Sabariah memberitahu, pada ketika ini hanya 114 taska yang disahkan berdaftar dengan JKM.

Jelasnya, berdasarkan data direkodkan Pasukan Petugas Pemantauan dan Pemutihan Taska hingga 1 September lalu, sebanyak 71 taska dilaporkan tidak berdaftar dan 19 daripadanya telah lulus perakuan.

“Sebanyak 30 taska pula dihentikan operasi, tujuh notis peringatan, satu notis Lak manakala 14 lagi dalam proses penguatkuasaan atau siasatan,” jelasnya.

Sehubungan itu, Sabariah berkata, JKM berusaha memastikan semua Taska beroperasi di Pahang mematuhi peraturan dan berdaftar mengikut Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].

JKM SELANGOR GIAT ANJUR PROGRAM GALAK PENGUSAHA DAFTAR TASKA

SHAH ALAM, 9 SEPT: Sebanyak 226 taman asuhan kanak-kanak atau taska di Selangor dilaporkan masih tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Justeru, Ketua Penolong Pengarah JKM Selangor, Roziah Osman berkata pihaknya kini giat melakukan program advokasi untuk menggalakkan taska-taska didaftar dengan segera.

“Yang tidak berdaftar ini, kita sudah mulakn dengan program advokasi yang kita panggil sebagai pemutihan kepada taska yang tidak berdaftar. Jadi kita lihat jumlah pun semakin berkuranglah.

“Saya ingin menasihatkan pengusaha taska berhubung dengan JKM bagaimana utnuk mendaftar. Kita harap menjelang 2025, Selangor mencapai sifar taska yang tidak berdaftar,”katanya.

Beliau berkata demikian dalam program bual bicara Hai Selangor bertajuk Masih Selamatkah Taska Anak Kita terbitan Selangortv, hari ini.

Tambah beliau, taska-taska yang sudah beroperasi juga diingatkan agar sentiasa mematuhi syarat yang telah ditetapkan termasuk pemasangan kamera litar tertutup CCTV.

“Semua taska yang ingin berdaftar wajib memasang CCTV di tempat yang sepatutnya dan tidak ada titik buta. CCTV itu juga haruslah berfungsi dengan baik,” katanya.

IBU DAN ANAK ANTARA 3 MAUT KEMALANGAN DALAM PERJALANAN KE SEKOLAH



Kemalangan berlaku mengakibatkan Ibu dan anak antara tiga yang maut dan empat cedera dalam kemalangan yang melibatkan tiga kenderaan berlaku di Jalan Besar Jengka 3, kira-kira jam 8.15 pagi hari ini. FOTO Ihsan IPD Maran

Maran: Ibu dan anak antara tiga yang maut dan empat cedera dalam kemalangan tiga kenderaan dalam perjalanan ke sekolah di Jalan Besar Jengka 3 di sini jam 8.15 pagi hari ini.

Ketua Polis Daerah Maran, Deputy Superintendan Mohamad Zamri Mohamad Zaber berkata, kemalangan berlaku apabila Perodua Alza dalam perjalanan dari arah bandar Jengka menghala ke Maran bertembung dengan Toyota Avanza.

"Ketika itu juga, datang kereta Perodua Myvi dari arah bandar Jengka yang menghala ke bandar Maran tidak sempat mengelak dan melanggar Toyota Avanza yang melintang di tengah jalan," katanya.

Katanya, akibat kemalangan itu, kerani Sekolah Kebangsaan (SK) Jengka 3 yang memandu Perodua Alza dikenali sebagai Noraini Ali, 42 dan anaknya, Afa Medina Azuan, 7, yang duduk di bahagian penumpang hadapan maut.

Turut terkorban penumpang hadapan Toyota Avanza yang juga pelajar Sekolah Menengah (SMK) Jengka 2, Nik Nurien Haziqah Nik Ibrahim, 13.

Noraini dan Nurien Haziqah maut di tempat kejadian, manakala Afa Medina yang juga murid SK Jengka 3 meninggal dunia di sebuah klinik kesihatan.

"Mangsa yang cedera, seorang guru yang memandu Perodua Myvi berusia 34 tahun dan pelajar SMK Jengka 2 berusia 13 tahun menumpang kereta Toyota Avanza yang kini dirawat di Hospital Jengka.

"Manakala, penumpang belakang Toyota Avanza itu pelajar SMK Jengka 2 berusia 13 tahun dan pemandu berusia 28 tahun mengalami kecederaan parah dan dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) Temerloh," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 dan saksi kejadian diminta tampil menyalurkan maklumat.

POLIS SIASAT KES KANAK-KANAK TIDUR DI KAKI LIMA



FOTO: Sumber awam

PETALING JAYA: Polis membuka kertas siasatan susulan penemuan kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun yang tidur di kaki lima sebuah pangsapuri di Sungai Way di sini.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Shahrulnizam Ja'afar berkata, kertas siasatan sudah dibuka mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Menurutnya, kanak-kanak terbabit yang juga anak penghuni pangsapuri itu sudah mendapatkan rawatan di hospital dan sedang menunggu laporan sama ada berlaku penderaan atau tidak.

“Setakat ini belum ada tangkapan dilakukan dan kita sedang mendapatkan keterangan doktor dan setelah pengesahan laporan perubatan diterima, tindakan selanjutnya akan diambil,” katanya kepada Harian Metro hari ini.

Sementara itu, wakil penduduk yang enggan dikenali berkata, dia menyedari kejadian pada 4.30 petang Khamis setelah gambar kanak-kanak terbabit dikongsi dalam kumpulan WhatsApp.

“Penduduk kemudian meminta bantuan saya untuk memeriksa keadaan adik terbabit dan bimbang dengan keselamatannya, saya terlebih dahulu membuat laporan polis bagi meminta bantuan untuk memeriksa dia (mangsa) di kediaman keluarganya.

“Ketika itu, tiga anggota polis bersama saya ke kediaman keluarga adik terbabit sekitar 6.30 petang dan seperti melihat ada kesan luka di tubuhnya,” katanya.

Menurutnya, kanak-kanak itu kemudian dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk menerima rawatan.

SELEPAS SUAMI, ISTERI PULA HIDAP KANSER

JERANTUT – Seorang ibu tunggal yang mengharapkan hasil jualan roti canai hilang pendapatan dalam sekelip mata selepas menghidap kanser usus tahap empat.

Aryati Talib, 52, yang tinggal di Perumahan Simpang Ibul Tunggal, Pulau Tawar, di sini berkata, dia kini hanya terlantar di rumah selepas dikesan menghidap kanser pada April lalu.

Katanya, suaminya, Anuar Noh meninggal dunia pada 16 September 2023 akibat kanser hidung dan mulut.

“Selepas ketiadaan suami, saya perlu bekerja menebar roti canai untuk menampung kehidupan termasuk persekolahan dua anak ketika itu.

“Bagaimanapun, selepas lebih 10 tahun berniaga, saya terpaksa tutup kedai akibat penyakit ini sehingga saya tiada langsung pendapatan harian,” katanya semalam.

Menurutnya, dia telah menjalani pembedahan membuang kanser itu pada 4 Jun lalu dan kini hanya terlantar di atas katil dengan dibantu dua anak kembarnya, Amar dan Amir yang berusia 26 tahun.

Katanya, kanser tersebut telah merebak ke bahagian anggota badan lain yang menyaksikan dia menjalani pembedahan membuang benjolan di bahu kiri pada 5 Julai lalu.

“Sehingga kini saya terpaksa berulang alik seminggu sekali ke hospital untuk rawatan.

“Saya sudah membelanjakan wang simpanan sebanyak RM15,000 untuk pengangkutan, menyediakan beg stoma, lampin pakai buang, susu tepung dan beberapa keperluan kebajikan lain.

“Setiap bulan saya perlu menyediakan beg stoma dengan perbelanjaan hampir RM200, susu tepung berharga RM1,000, lampin pakai buang, tisu basah dan menyediakan barang keperluan dapur untuk anak, bil elektrik dan air,” katanya.

Tambahnya, dia hanya berharap bantuan dua anak kembarnya yang bekerja kampung untuk menguruskan kehidupannya selain bagi menampung keperluan hariannya.

Sesiapa yang ingin membantu boleh menghubungi Aryati Talib di talian 013-2928664 atau menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) 0699541100130265.

PULAU PINANG NEGERI MESRA WARGA EMAS MENJELANG 2028

GEORGE TOWN : Kerajaan negeri kini sedang dalam persediaan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri mesra warga emas menjelang 2028 nanti.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam negeri, Lim Siew Khim berkata, pada masa ini, kira-kira 15 peratus daripada rakyat Pulau Pinang terdiri daripada mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas.

Justeru, Siew Khim berkata, antara langkah yang telah diambil sebagai inisiatif ke arah persediaan itu ialah, dengan melancarkan Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia (Pulau) baru-baru ini.

“Terdapat lapan modul dalam pelan tindakan ini iaitu merangkumi ruang awam dan bangunan, pengangkutan, perumahan, penglibatan sosial dan masyarakat, saling menghormati dan keterangkuman sosial, penglibatan sivik, komunikasi dan informasi serta sokongan masyarakat dan perkhidmatan kesihatan.

“Dalam hal ini, kita mahu menjadikan Pulau Pinang dan masyarakatnya sebagai mesra warga emas dengan tidak meminggirkan mereka dalam kepesatan pembangunan negeri,” katanya.

Siew Khim ditemui pemberita ketika hadir menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dan ThinkCity yang menjalin kerjasama untuk menganjurkan Bengkel Wanita Gerak@ Seberang Perai.

Sebelum ini, statistik Anggaran Penduduk Semasa, Daerah Pentadbiran 2024 yang diterbitkan pada 30 Ogos lepas menyatakan bahawa, daerah Seberang Perai Tengah (SPT) di Pulau Pinang antara 11 daerah dikenal pasti sebagai daerah menua iaitu mempunyai penduduk berusia 65 tahun dan ke atas yang mencatatkan peratusan sebanyak 7.0 peratus.

Mengulas lanjut, Siew Khim berkata, selain daripada langkah yang diambil oleh kerajaan ketika ini, sokongan daripada komuniti terhadap warga emas juga amat penting.

"Kita mahu komuniti menjadi lebih mengambil tahu tentang kebajikan warga emas di sekeliling mereka dan tidak hanya mengharapkan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu golongan berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah memulakan langkah menjadi bandar mesra warga emas dengan melaksanakan modul-modul yang terkandung dalam Pulau ketika ini.

"Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSB) pula dijangka memulakan inisiatif yang sama mulai 2025 bagi kawasan Seberang Perai dan saya yakin, Pulau Pinang secara keseluruhan akan dapat menjadi sebuah negeri mesra usia menjelang 2028 nanti," katanya.-UTUSAN

LELAKI RENTUNG AKIBAT MESIN RUMPUT TERBAKAR DISAHKAN WARGA EMAS 75 TAHUN

ARAU: Polis mengesahkan bahawa mayat lelaki pemotong rumput yang ditemui rentung di hadapan laman sebuah rumah di Jejawi, di sini, semalam adalah pemilik kediaman di lokasi mangsa ditemui.

Polis bagaimanapun enggan mendedahkan butiran identiti mangsa sebaliknya menyatakan bahawa mangsa adalah seorang pesara Telekom Malaysia berusia 75 tahun.

Ketua Polis Daerah Arau, Superintendan Ahmad Mohsin Md Rodi berkata, siasatan mendapati mangsa dipercayai maut akibat terkena api yang menyambar pada tubuh mangsa selepas mesin rumputnya itu terbakar.

"Jarak mangsa ditemui dengan mesin rumput yang terbakar itu adalah sekitar dua meter sahaja di hadapan laman rumahnya yang terletak di Jalan Besar KM4 Jejawi itu.

"Mangsa ditemui maut di halaman rumah oleh orang awam yang sedang melalui kawasan bangunan Majlis Perbandaran Kangar (MP Kangar) Jejawi yang terletak bersebelahan dengan kawasan rumah mangsa.

"Saksi yang bertugas sebagai Pembantu Penguatkuasa MP Kangar berusia 47 tahun itu menyangka ia adalah patung ketika itu namun setelah menghampiri lokasi kejadian mendapati, ia adalah mayat terbakar dan segera menghubungi polis.

"Mangsa ditemui dalam keadaan terbaring terlentang dan terbakar dan mayatnya sudah mulai mengembung di kawasan halaman berumput di hadapan rumah mangsa," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa disyaki sedang memotong rumput sendirian sebelum mesin rumput miliknya itu terbakar dan menyambar tubuh mangsa hingga rentung.

"Lokasi kejadian juga menunjukkan tiada sebarang unsur jenayah yang dikesan serta tiada sebarang kesan pergelutan pada tubuh mangsa.

"Temubual bersama isteri mangsa mengesahkan tidak nampak kelibat lelaki itu sejak dua hari lalu sehingga mayatnya ditemui semalam.

"Semakan keadaan balu mangsa mendapati dia agak uzur dan mengalami masalah kesihatan serta hanya tinggal di dalam rumah sahaja.

"Selain itu, temubual bersama adik mangsa yang juga seorang pesara guru berusia 65 tahun menyatakan bahawa kali terakhir dia bertemu abangnya itu adalah ketika menghantar makanan kepada pasangan terbabit pada petang Jumaat lalu.

"Adiknya juga menyatakan bahawa dia pernah melihat mangsa memotong rumput sendirian di kediaman mangsa sebelum ini," katanya.

Ahmad Mohsin berkata, anggaran tempoh kematian mangsa adalah sekitar dua hari bermula pada pagi Sabtu lalu.

"Mangsa dibawa ke Unit Forensik Hospital Tuanku Fauziah Kangar dan akan dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar untuk menjalani proses bedah siasat pada hari ini bagi mengenalpasti punca kematian dan formaliti pengecaman identiti mangsa.

"Kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR)," katanya.

Semalam, mayat lelaki pemotong rumput dipercayai terbakar ditemui di halaman sebuah rumah di Jalan Besar KM4 Jejawi, Arau.